

# Syor wujud pusat sekuriti makanan

» *Malaysia mampu jadi peneraju hab halal antarabangsa*

Oleh **Nor Azma Laila**  
norazma@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

**M**alaysia disaran mewujudkan Pusat Sekuriti Makanan Negara pada peringkat nasional bagi menjamin bekalan makanan

negara dan serantau.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata menerusi pusat itu, Malaysia bukan saja berupaya menjadi peneraju dalam jaminan bekalan makanan di ASEAN dan Asia, malah menjadi hab halal antarabangsa dalam kalangan negara Per-

tubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan dunia ketiga.

## **Iktiraf graduan pertanian**

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya bertajuk 'Sekuriti Makanan di Malaysia' yang dikeluarkan pada Forum Ikatan Profesor Indonesia-Malaysia (IPIMA) 2013 di Bogor, Indonesia, semalam, beliau berkata, tumpuan lain pusat itu juga merangkumi unsur kesedaran rakyat dalam sekuriti makanan serta kepentingan penjenamaan makanan

selamat dan halal.

"Kerajaan perlu mengiktiraf graduan pertanian sebagai profesional, sama seperti doktor, jurutera, peguam dan akauntan dengan mewujudkan akta ahli pertanian profesional.

"Menerusi usaha ini, imej graduan serta pengamal pertanian dapat ditingkatkan, sekali gus menarik minat orang muda menceburi bidang yang mencabar tetapi menjanjikan pulangan lumayan," katanya.

Majlis perasmian itu disempurnakan wakil Menteri Pendidikan dan Kebudayaan Indonesia, Prof Dr H Musliar Kasim. Turut hadir Setiausaha Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Raduan Che Ros.

Forum anjuran MPN dan Asosiasi Profesor Indonesia (API) itu bertujuan mengenal pasti situasi pertanian dan jaminan di Malaysia serta Indonesia.